

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14

## Enggan ambil risiko jual telur import

# Enggan ambil risiko jual telur import

**Kuala Terengganu:** Kebanyakan pemborong di negeri ini enggan mengambil risiko menjual telur ayam yang diimport dari India kerana faktor kebersihan dan kualiti yang diragui.

Tinjauan yang dibuat di sekitar bandar raya ini mendapati rata-rata pemborong mendakwa tahap kebersihan serta kualiti telur ayam yang diimport itu meragukan.

Malah, dalam tinjauan sama mendapati bekalan telur ayam tempatan turut mengalami terputus bekalan sejak tiga hari lalu.

Pemborong di Kampung Gong Kiat, di sini, Gregory Phang, 42, berkata pihaknya setakat ini tidak akan menjual telur ayam yang diimport dari India itu.

Malah, katanya, bekalan telur ayam import dari India belum ada di pasaran negeri ini, sebaliknya hanya tertumpu di Lembah Klang.

"Buat masa sekarang, kami tidak menerima telur ayam dari India dan hanya tertumpu menjual telur ayam tempatan dan Omega setakat ini. Itupun, kami sekarang menghadapi masalah bekalan terputus sejak Selasa lalu dan tidak tahu stok baharu akan tiba," katanya di sini, semalam.

Selain itu pekerja pembo-



Bekalan telur kehabisan di pemborong Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Faizul Azlan Razak/BH)

rong di bandar raya ini, Zalikha Zulkifli, 29, berkata pihaknya bukan saja meragui telur ayam diimport dari India itu, malah bimbang pengguna tidak mahu membelinya.

"Kita belum lagi menjual telur ayam berkenaan, malah sudah ramai pengguna mempersoal mengenai kualiti dan kebersihannya. Jadi, kita tidak

mahu mengambil risiko walaupun kerajaan memberi jaminan bekalan telur import memenuhi piawaian ditetapkan," katanya.

Ditanya bekalan telur tempatan, Zalikha berkata, Selasa lalu adalah hari terakhir mereka menjualnya sebanyak 5,000 papan yang diperoleh dari pembekal di Melaka.

"Bekalan telur yang sampai

pada Selasa lalu, dijual dalam masa kurang empat jam saja dan setiap pengguna kita menghadkan pembelian lima papan seorang.

"Kita masih menunggu bekalan baharu yang dijangkakan tiba esok (hari ini) atau Sabtu ini (esok) dan tidak pasti berapa banyak akan dihantar pembekal," katanya.